

Laba Bank Islam meningkat RM82.7j

» Untung sebelum cukai, zakat RM683j kewangan berakhir 31 Disember 2013

Oleh Nik Sukry Ramli
niksukry@bh.com.my

Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) mencatat keuntungan sebelum cukai dan zakat RM683 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, meningkat 13.8 peratus atau RM82.7 juta daripada 2012 yang disandarkan kepada pendapatan RM2.2 bilion.

Bagi tempoh yang dikaji, portfolio pembiayaan Bank Islam berkembang 21.7 peratus kepada RM23.7 bilion, melepasi purata industri 10 peratus, berikutan permintaan kukuh pinjaman pengguna yang meningkat 24 peratus manakala

pembiayaan komersial berkembang lebih 30 peratus.

Pengarah Urusan, Datuk Seri Zukri Samat, berkata peningkatan pendapatan dipacu pertumbuhan pembiayaan, aliran pendapatan yang pelbagai, peningkatan deposit menerusi akaun semasa dan simpanan, pertumbuhan pendapatan bukan berasaskan dana dan kualiti aset yang bertambah baik.

Tahun lebih mencabar

Bagaimanapun, Zukri berkata tahun ini akan lebih mencabar kerana permintaan bagi pembiayaan daripada sektor pengguna dijangka semakin perlahan berikutan pengenalan pelbagai langkah lebih ketat dan inflasi yang semakin meningkat.

Semua langkah berkenaan pada asasnya bererti orang ramai akan menyimpan wang mereka dan

permintaan bagi produk akan berkurangan.

Inflasi juga dijangka meningkat sedikit tahun ini dan pengguna yang merangkumi 75 peratus daripada portfolio pembiayaan bank, akan menanggung pembelian dan pembiayaan.

“Bank Islam yakin dapat mencapai pertumbuhan pembiayaan yang mengatasi purata industri tahun ini”

Zukri Samat,
Pengarah Urusan
Bank Islam

“Itulah sebabnya kami menjangkakan penyusutan pembiayaan pengguna,” katanya selepas melancarkan Kad Debit Universiti-i (UniDebit) Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Kuantan, Pahang, semalam.

Zukri berkata, walaupun menjangkakan pembiayaan pengguna menyederhana, Bank Islam yakin dapat mencapai pertumbuhan pembiayaan yang melebihi purata industri tahun ini.

“Penyusutan ini tidak dijangka menyeret turun pertumbuhan pembiayaan ke paras di bawah



Zukri (kiri) menyerahkan replika UniDebit UMP kepada Naib Canselornya, Datuk Dr Daeng Mohd Nasir di Kuantan, semalam.

FOTO MUSTAFFA KAMAL/BH

purata industri, 10 peratus.

Deposit bank meningkat

“Walaupun kami tidak menjangkakan pertumbuhan pembiayaan hingga 21.7 peratus, saya rasa kami boleh menyasarkan kadar pertumbuhan yang melebihi purata industri,” katanya.

Dalam pada itu, Zukri berkata, deposit bank semakin meningkat berikutan pengenalan beberapa

produk menarik dan berdaya saing di pasaran termasuk akaun simpanan Al-Awfar.

Sementara itu, perniagaan kad menyumbang RM130 juta keseluruhan pendapatan dan RM94 juta keuntungan kasar Bank Islam.

Bank itu kini mempunyai 2.3 juta pemegang kad, sebahagian besarnya kad debit (1.6 juta pemegang) diikuti oleh kad kredit (700,000 pemegang).